

**SOALAN NO: 408**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD**  
**(SHAH ALAM)**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi menangani isu peningkatan penyakit endemik Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD)

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyakit *Hand Food Mouth Disease* (HFMD) adalah endemik dan berlaku sepanjang tahun di Malaysia. Penyakit ini berkait rapat dengan amalan kebersihan diri dan persekitaran serta mudah menular di kalangan kanak-kanak kecil berumur kurang daripada 10 tahun terutamanya di premis yang menjadi tempat tumpuan kanak-kanak seperti di taska/ tadika.

Penyakit HFMD telah diwartakan sebagai penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasi mengikut Akta 342 pada 12 Oktober 2007 bagi memudahkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjalankan pemantauan. Sehubungan dengan itu pihak KKM sentiasa mengambil langkah-langkah bagi menangani isu peningkatan penyakit HFMD. Antara tindakan KKM adalah:

1. Melakukan pemantauan harian menerusi sistem *online* eNotifikasi dan eWabak bagi mengesan kes dan wabak HFMD lebih awal supaya tindakan siasatan dapat diambil dengan segera dan lebih berkesan;
2. Melakukan pemeriksaan premis khususnya yang menjadi tumpuan kanak-kanak seperti Taska/Tadika dan tempat permainan di pusat membeli belah bagi menilai tahap kebersihan dan risiko terhadap penyakit HFMD terutama semasa berlaku wabak;
3. Mempertingkatkan kesedaran masyarakat berkaitan penyakit HFMD khususnya kepada ibubapa, penjaga, pihak pengusaha pusat jagaan kanak-kanak, guru-guru taska/tadika, sekolah dan juga pihak pengurusan kompleks membeli belah yang mempunyai tempat permainan kanak-kanak melalui sesi ceramah, pameran dan pengedaran risalah/poster;

4. Mempertingkatkan pengambilan sampel ke atas kes yang disyaki serta kontak pesakit terutama semasa berlaku wabak HFMD di Taska/Tadika dan sekolah;
5. Sejak tahun 2007, pemantauan *circulating virus* melalui Survelan Makmal HFMD dijalankan bagi mengenalpasti virus di Malaysia. Ini bagi memastikan perancangan langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian dapat dilaksanakan;
6. Mengeluarkan surat Amaran Penyakit Berjangkit (Infectious Disease Alert) kepada semua fasiliti kesihatan termasuk klinik dan hospital swasta supaya berada dalam kesiapsiagaan menghadapi peningkatan kes HFMD dan keperluan melaporkan kes untuk tindakan segera oleh Pejabat Kesihatan Daerah;
7. Mengambil tindakan menutup mana-mana premis yang disyaki menjadi punca jangkitan HFMD di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) selama tempoh 10 hari (2 inkubasi) bagi menyekat penularan virus HFMD;
8. Memberi khidmat nasihat kepada pihak pengusaha pusat asuhan kanak-kanak, pihak sekolah dan para ibubapa mengenai penjagaan kebersihan diri dan persekitaran dalam mencegah dan mengawal penyakit HFMD daripada terus merebak; dan

9. Memperkuatkan kerjasama diantara agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Kemajuan Masyarakat dan sebagainya dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai HFMD dan juga cara-cara mencegah penularannya.